

08 NOV 1998

APEC-BERITA-PELAN/I

PRINSIP PELABURAN TIDAK MENGIKAT CARA TERBAIK GALAK ALIRAN MODAL

KUALA LUMPUR, 8 Nov (Bernama) -- Majlis Penasihat Perniagaan Apec (Abac) akan mengesyorkan supaya Prinsip Pelaburan Tidak Mengikat 1994 adalah cara terbaik untuk menggalakkan dan memudahkan aliran modal jangka panjang kembali ke rantau ini.

"Kami mengesyorkan, seperti kami lakukan pada 1997, bahawa para pemimpin ekonomi sekali lagi mengesahkan pelaksanaan cepat prinsip-prinsip tidak mengikat.

"Bagi ekonomi-ekonomi yang merasakan bersedia, kami juga akan menggesa mereka bergerak melampaui prinsip-prinsip itu," kata pengerusi Abac Tan Sri Tajudin Ramli di dalam laporan kepada Pemimpin-pemimpin Ekonomi Apec.

Di samping itu, ke tahap yang ekonomi-ekonomi itu mampu, Abac mengesyorkan bahawa perkhidmatan kewangan patut terus menjadi sektor keutamaan bagi liberalisasi.

Ini akan banyak membantu di dalam pewujudan pasaran kewangan domestik yang sihat dan memberikan kekukuhan dan kecanggihan yang diperlukan untuk pertumbuhan ekonomi jangka panjang yang stabil.

Laporan itu bertema "Apec Bersungguh-sungguh: Mengembalikan Keyakinan dan Menjana Semula Pertumbuhan", dibentangkan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad Jumaat lalu.

Dr Mahathir, yang menjadi pengerusi Apec, sebaliknya akan membentangkan laporan itu kepada para pemimpin ekonomi apabila mereka berhimpun di sini untuk sidang kemuncak tidak formal pada 17 dan 18 Nov.

Dalam menganalisis pelan-pelan tindakan individu, Tajudin, yang juga pengerusi eksekutif Malaysian Airline System, berkata peningkatan telah dibuat dalam ketelusan sungghpun pelan itu terus ssukar bagi orang-orang perniagaan untuk mendapatkannya.

Bagaimanapun, tambahnya bahawa lebih banyak butiran terperinci khusus diperlukan bagi membolehkan perniagaan mendapat faedah daripada pelan tindakan itu.

"Pelan itu begitupun menunjukkan komitmen lebih besar kepada tindakan dan terimaan pakai liberalisasi awal mengikut sektor secara sukarela (EVSL) menunjukkan kesanggupan untuk melangkaui persetujuan yang dibuat di dalam forum-forum pelbagai hala.

"Dengan pandangan itu, Apec patut menimbangkan satu program penjelasan yang aktif kepada masyarakat perniagaan meluas bagi memastikan bahawa pelan-pelan itu disebar dengan jelas dan berkesan," tegas Tajudin.

Dalam bergerak ke hadapan, katanya Abac menimbulkan keperluan mendesak bagi pembinaan keupayaan untuk menyemai benih bagi pertumbuhan masa depan dan merasakan bahawa agenda kerjasama ekonomi dan teknikal (ECOTECH) adalah penting dalam memelihara semangat kemasyarakatan.

"Dengan berusaha untuk mengurangkan perbezaan di kalangan ekonomi anggota, perakuan-perakuan ECOTECH Abac akan membantu memperkukuhkan keadaan yang diperlukan untuk melindungi Apec dan agenda liberalisasinya.

"Oleh itu adalah pening bahawa kita mengusahakan langkah-langkah pembinaan keyakinan yang serta-merta dan membolehkan keupayaan-keupayaan untuk membina jangkitan positif bagi mengatasi krisis semasa," kata Tajudin, sambil menambah bahawa matlamat jangka lebih panjang Apec tidak harus di ketepikan.

Menyimpulkan bahawa Apec boleh dan patut menjadi satu forum yang kuat, Abac menasihati para pemimpin untuk menggambarkan keperluan untuk mengekalkan kelonggaran di dalam agenda liberalisasi bagi mengelakkan

kehilangan sokongan untuknya ditengah-tengah krisis ini.

Tajudin menambah kata keupayaan segera dan pembinaan masyarakat akan menyampaikan dengan kuat untuk ekonomi-ekonomi kita yang Apec mempunyai keutamaannya di dalam susunan yang betul di dalam krisis ini.

Beliau juga menarik perhatian mereka supaya menangani secara berdepan isu pengawalan di dalam pasaran kewangan antarabangsa untuk mewujudkan peraturan perlu bagi pasaran bebas untuk berjalan dengan berkesan. --

BERNAMA

DVS OS